

SEKILAS INFO



SOROTAN UNIMAS



“SARAWAK MAJU MAKMUR”

SAMBUTAN KEMERDEKAAN 60 TAHUN SARAWAK MERDEKA

Kota Samarahan: Sempena bulan sambutan 60 Tahun Sarawak Merdeka dan Pelancaran Bulan Kemerdekaan 2023 Peringkat UNIMAS, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) UNIMAS telah menganjurkan Pertandingan Dekorasi Sudut Kemerdekaan yang akan diadakan sepanjang bulan kemerdekaan mulai 17 Julai 2023 sehingga 16 September 2023. Pertandingan gandingan bahu mendekorasi sudut ke- ini bertujuan untuk menyemai rasa cinta merdeka yang bertemakan sejarah ke- dan semangat patriotik dalam kalangan merdeka Sarawak dengan menggunakan warga UNIMAS. SQRC tidak ketingga- barang kitar semula. Sebanyak 15 PTj lain- lan di dalam usaha menyemarakkan se- turut menyertai pertandingan kali ini di- mangat kemerdekaan dan turut ber- ruangan pejabat masing-masing.



TAKLIMAT PENGEMASKINI KPI BERSAMA PEMILIK SF



Kota Samarahan: Beberapa siri per- jumpaan bersama Pemilik *Strategic Fo-*

dan KPI telah diadakan bagi membina- cangkan semakan semula KPI agar selari dengan hasrat dan halatuju Universiti serta Kementerian Pendidikan Tinggi ketika ini. SQRC telah disarankan untuk membantu menyemak, menyelaraskan dan membimbing Pemilik *Strategic Focus* (SF) dalam melalui proses pengemaskinian seterusnya memastikan kelancaran pelaporan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Kualiti UNIMAS (JSKU) akan datang.

Ms.2




*“Internal Audit
can do better and
can function as a
catalyst for real
improvement”*

*Dr Rainer Lenz & John
Cheshire*



AUDIT DALAM ISO/IEC 27001:2013 SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

Kota Samarahan: Telah berlangsung *ISMS Internal Audit* pada 14 Ogos 2023 sehingga 18 Ogos 2023 bertempat di SQRC di mana SQRC berperanan sebagai Penyelaras bagi Pengurusan Kualiti Universiti. *Entrance Meeting* telah diadakan pada 14 Ogos 2023 bertempat di BPPs yang dipengerusikan oleh Pengerusi Bersama Jawatankuasa ISMS, Puan Saptuyah Hj Mahmud, Timbalan Pendaftar BPPs manakala *Exit Meeting* telah diadakan pada 18 Ogos 2023. Pensijilan standard ISO/IEC 27001:2013 ini menyediakan spesifikasi dan kawalan-kawalan bagi melindungi keselamatan aset maklumat dan seterusnya meningkatkan integriti dan keyakinan pelanggan kepada tadbir urus Universiti. Melalui pengauditan ke atas aset ICT, tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat diambil ke atas sebarang kelemahan, ketidakpatuhan atau kekurangan kepada sistem keselamatan ICT sedia ada demi memantapkan perlindungan kepada prinsip-prinsip kerahsiaan, integriti dan ketersediaan.



SEMINAR PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI AWAM

Putrajaya : Seminar Perkongsian Amalan Terbaik Pengurusan Risiko Universiti Awam 2023 telah berlangsung pada 28 Ogos sehingga 29 Ogos 2023 bertempat di The Everly Putrajaya bagi membincangkan Struktur dan Tadbir Urus Pusat Pengurusan Risiko Universiti Awam. UNIMAS telah diwakili empat pegawai SQRC yang terdiri daripada Pengarah, YBhg Prof Gs Dr Tarmiji Masron, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman, Penolong Pendaftar Kanan, Puan Adeline Ann Lubi dan Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri. Seramai 140 orang peserta dari 20 Universiti Awam te-

lah menyertai seminar ini bagi memperkukuh peranan pengurusan risiko universiti awam serta berkongsi amalan terbaik dalam pengurusan risiko selari dengan keperluan Pendidikan Tinggi Negara.



“ If you risk nothing, then you risk everything”

Geena Davis



BIRTHDAY OF THE MONTH

KALENDAR AKTIVITI OGOS 2023



Bil	Pekara/ Aktiviti	Tarikh
1.	Exit Conference Internal Audit	3 Ogos 2023
2.	Sesi Taklimat Pengemaskinian Startegic Focus 4 – UNIMAS Corporate	4 Ogos 2023
3.	Sesi Taklimat Pengemaskinian Startegic Focus 5 – Bahagian Endowmen	4 Ogos 2023
4.	ISMS Internal Audit – Opening Meeting	14 Ogos 2023
5.	Auditor Dalam ISMS 2023	14 – 18 Ogos 2023
6.	ISMS Internal Audit – Closing Meeting	18 Ogos 2023
7.	Mesyuarat JSKU Bil3/2023 Ke 28	22 Ogos 2023
8.	Keceriaan Pejabat Sempena 60 Tahun Sarawak Merdeka dan Bulan Kemerdekaan Malaysia	Sepanjang Ogos
9.	Seminar Perkongsiaan Amalan Terbaik Pengurusan Risiko Universiti Awam 2023	28 – 29 Ogos 2023

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN



Pengarah Prof Gs Dr Tarmiji Masron **Timbalan Pengarah** Prof Madya Dr Lee Nung Kion **Penolong Pendaftar Kanan** Dyg Mazina Awg Batu | Dyg Zuliana Abg Abd Rahman **Penolong Pegawai Tadbir Kanan** Adeline Ann Lubi **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan** Mohd Hairulnizam Mohd Zamri **Penolong Pegawai Tadbir** Salmiah Nahrawi **Setiausaha Pejabat** Nur Aishah Jori **Pembantu Tadbir Kanan** Norisa Mohamad Sahari **Pembantu Tadbir** Siti Afizah Jamil | Mohd Hafizuddin Sulaiman **Pembantu Operasi** Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



9 772948 508009

STRATEGIC PLANNING, QUALITY
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik,
Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Aras 3, Bangunan Canselori
94300 Kota Samarahan, Sarawak,
<http://www.sqrc.unimas.my/>